

A decorative border made of stylized, flowing lines in shades of grey, framing the central text. The lines curve and swirl, creating an elegant, floral-like shape.

# *Tazkirah kematian*

JABATAN MUFTI PERLIS

Tazkirah Kematian © 2019 oleh Jabatan Mufti Perlis

**Cetakan Pertama 2019**

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini di dalam apa jua cara samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain sebelum mendapat izin bertulis daripada SS Mufti, Jabatan Mufti Negeri Perlis.

ISBN 978-967-16744-0-6

*Atur Huruf dan Reka Letak oleh:*

Aswan Educonsult SDN BHD | Santai Ilmu Publication  
9AF, SU Mall, Jalan Bidara 8,  
Saujana Utama 47000 Sg. Buloh, Selangor.  
Tel: 03-60397343 | e-mel: [santaiilmu2u@gmail.com](mailto:santaiilmu2u@gmail.com)

**JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS**

Tingkat 1, Blok A,  
Bangunan Dato' Mahmud Mat,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel : 04-979 4428,  
Fax : 04-976 3844

# Isi kandungan

Kata-Kata Aluan Mufti Negeri Perlis .....	1
Panduan Tazkirah .....	3
Tazkirah 1: Golongan Yang Selamat .....	9
Tazkirah 2: Bilakah Masanya?? .....	17
Tazkirah 3: Mengiringi Jenazah .....	23
Tazkirah 4: Kita Juga Akan Mati .....	31
Tazkirah 5: Berteriak dengan Teriakan Yang Pertama .....	37
Tazkirah 6: Kita Di Pihak Mana? .....	41
Doa 1 .....	47
Doa 2 .....	51



*“Katakanlah (Wahai Muhammad):  
“Sebenarnya maut yang kamu  
melarikan diri daripadanya itu,  
tetaplah ia akan menemui kamu;  
kemudian kamu akan dikembalikan  
kepada Allah yang mengetahui  
Segala yang ghaib dan yang nyata,  
lalu ia memberitahu kepada kamu  
apa yang kamu telah lakukan (serta  
membalasnya)”.*

**(Surah Al-Jumua: 8)**



# *kata-kata aluan*

## Mufti Negeri Perlis



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ  
بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا، وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ  
يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ  
لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَمَا بَعْدُ



## *Tazkirah Kematian*

**D**engan izin ALLAH ﷻ Jabatan Mufti Negeri Perlis telah mengeluarkan sebuah risalah yang diharap dapat membantu dalam usaha menyebarkan fahaman Sunnah kepada masyarakat negeri ini khususnya dan umat Islam di Malaysia amnya.

Risalah Tazkirah Kematian ini memuatkan serba-sedikit panduan hukum berkenaan pengurusan pengebumian dan diberi beberapa pilihan versi tazkirah supaya lebih pelbagai dan tidak terhad. Risalah ini adalah sekadar panduan dalam memberi tazkirah pengebumian sahaja. Ia bukan satu kemestian. Ribuan terima kasih buat para pegawai Jabatan Mufti yang menyiapkan risalah ini.

Akhir kata, saya berharap agar kaum Muslimin dan Muslimat dapat melazimi manhaj salafussoleh dalam kehidupan mereka dan dalam upacara kematian mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan yang selamat. Amin.

***Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Arif  
Perkasa Dr. Mohd. Asri bin Zainul Abidin.***



# Panduan Tazkirah



**1** Dasar Tazkirah ini adalah daripada hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim, daripada Ali RA:

كُنَّا فِي جَنَازَةٍ فِي بَقِيعِ الْغَرْقَدِ فَأَتَانَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ  
فَقَعَدَ وَقَعَدْنَا حَوْلَهُ وَمَعَهُ مَخْضَرَةٌ فَنَكَّسَ فَجَعَلَ  
يَنْكُتُ بِمِخْضَرَتِهِ ثُمَّ قَالَ « مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ مَا  
مِنْ نَفْسٍ مَنْفُوسَةٍ إِلَّا وَقَدْ كَتَبَ اللَّهُ مَكَانَهَا مِنْ  
الْجَنَّةِ وَالنَّارِ وَالْأَقْدَامِ وَقَدْ كُتِبَتْ شَقِيَّةٌ أَوْ سَعِيدَةٌ »  
قَالَ فَقَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا نَمُكُّ عَلَى

### Tazkirah Kematian

كَتَابْنَا وَنَدَعُ الْعَمَلَ فَقَالَ « مَنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ  
السَّعَادَةِ فَيُصَيِّرُ إِلَى عَمَلِ أَهْلِ السَّعَادَةِ وَمَنْ  
كَانَ مِنْ أَهْلِ الشَّقَاوَةِ فَيُصَيِّرُ إِلَى عَمَلِ أَهْلِ  
الشَّقَاوَةِ ». فَقَالَ « اعْمَلُوا فِكُلِّ مَيْسَرٍ أَمَا أَهْلُ  
السَّعَادَةِ فَيُيَسِّرُونَ لِعَمَلِ أَهْلِ السَّعَادَةِ وَأَمَا أَهْلُ  
الشَّقَاوَةِ فَيُيَسِّرُونَ لِعَمَلِ أَهْلِ الشَّقَاوَةِ ». ثُمَّ قَرَأَ

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَى وَاتَّقَى ﴿٥﴾ وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَى ﴿٦﴾  
فَسَنِيئَتُهُ لَلِئْسَرَى ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنْ بَخِلَ وَاسْتَغْنَى ﴿٨﴾ وَكَذَّبَ  
بِالْحُسْنَى ﴿٩﴾ فَسَنِيئَتُهُ لَلْعُسْرَى ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Kami menziarahi jenazah di perkuburan Baqi’ al Gharqad lalu datang Rasulullah ﷺ dan baginda duduk, lalu kami duduk di sekeliling baginda. Bersama baginda ada tongkat kecil atau ranting kayu, baginda mengangguk-angguk kepala baginda seperti orang

yang susah hati dan menguis tanah dengan ranting tadi seraya bersabda: 'Setiap kamu, setiap nyawa yang hidup telah ditetapkan tempatnya sama ada di syurga atau neraka, telah ditentukan sama ada di syurga atau neraka, telah ditentukan sama ada celaka atau bahagia.' Berkata seorang lelaki: 'Wahai Rasullullah, kenapa kita tidak berserah sahaja kepada takdir dan meninggalkan amalan? Mereka yang ditentukan bahagia (di akhirat) akan bahagia dan yang ditentukan celaka akan celaka?!' Nabi ﷺ bersabda: 'Beramallah, setiap kamu akan dimudahkan untuk beramal. Ahli bahagia dimudahkan beramal dengan kebahagiaan dan ahli binasa dimudahkan beramal dengan kebinasaan.' Kemudian baginda membaca) firman ALLAH dalam surah al-Lail, ayat 5-10 (Mafhumnya: "Jelasnya: adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertaqwa (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya), serta ia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik, maka sesungguhnya



### *Tazkirah Kematian*

**Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (syurga). Sebaliknya: orang yang bakhil (daripada berbuat kebajikan) dan berasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya, serta ia mendustakan perkara yang baik, maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan;”<sup>1</sup>**

**2** Tazkirah pengebumian **bukanlah** satu bentuk **ceramah** atau **khutbah**, tetapi **hanyalah peringatan kepada** orang ramai.

Ia boleh dilakukan **sebelum** pengebumian **ketika** menunggu jenazah atau **setelah** pengebumian.

**3** Tazkirah ini **tidak dilakukan selalu**, tetapi dilakukan berdasarkan keperluan menurut pandangan orang yang menguruskan.

Seperti pada masa yang terluang ketika menunggu jenazah di kubur.

---

<sup>1</sup> al-Bukhari no. 4948 & Muslim no. 2647.

**4** Setelah selesai pengebumian maka **boleh** berdoa secara **berjemaah** ataupun **bersendirian** dan ini lebih **afdal**.

**5** Amalan **bertalqin** selepas pengebumian bersumberkan hadis-hadis yang **da'if** (lemah). Ia lebih baik diganti dengan tazkirah kematian kerana sumber amalan ini adalah sahih.

Demikian juga amalan **membaca keseluruhan al-Quran** di atas **kubur** seperti cara yang diamalkan oleh sesetengah masyarakat kita tidak bersandarkan hadis yang sahih.



فَأَمَّا مَنْ أَعْطَى وَاتَّقَى ﴿٥﴾ وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَى ﴿٦﴾ فَسَنِيسِرُهُ  
لِلْيَسْرَى ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنْ بَخِلَ وَاسْتَغْنَى ﴿٨﴾ وَكَذَّبَ بِالْحُسْنَى ﴿٩﴾  
فَسَنِيسِرُهُ لِلْعُسْرَى ﴿١٠﴾


*“Jelasnya: adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertaqwa (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya), serta ia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik, maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (syurga). Sebaliknya: orang yang bakhil (daripada berbuat kebajikan) dan bera-sa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya, serta ia mendustakan perkara yang baik, maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan;”*



# *Tazkirah kematian*

1

## Golongan Yang Selamat





*Tazkirah Kematian*

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

**ALHAMDULILLAH**, kita telah selesai menguburkan jenazah saudara/saudari kita ini. Semoga ALLAH merahmatinya.

Peristiwa kematian yang kita saksikan hari ini hendaklah dijadikan iktibar dan peringatan di sepanjang perjalanan hayat kita yang masih berbaki ini.

Firman ALLAH ﷻ:

قُلْ إِنَّ أَلَمَاتٍ أَلَّذِي تَفْرُوتَ مِنْهُ فَإِنَّهُ  
مُلَقِيكُمْ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ  
فِيَنبئِكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Mafhumnya: **“Katakanlah (Wahai Muhammad): “Sebenarnya maut yang kamu melarikan diri daripadanya itu, tetapih ia akan menemui kamu;**

Jabatan Mufti Negeri Perlis

**kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, lalu ia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah lakukan (serta membalasnya)”.**

(Surah Al-Jumaah: 8)

Firman ALLAH lagi dalam surah al-Mulk ayat 2:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ  
عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾

Mafhumnya: **“Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).”**

Oleh itu, sedarlah saudara dan saudari sekalian, kematian merupakan perpindahan dari alam dunia menuju ke akhirat di mana

### *Tazkirah Kematian*

kita akan dibalas setimpal dengan amalan kita di dunia. Marilah kita bertaubat dan meninggalkan maksiat yang kita lakukan.

Berubahlah sebelum ajal menemui kita. Gunakanlah peluang yang masih ada untuk meningkatkan amalan kerana dengan amal soleh sahaja kita boleh menikmati kebahagiaan di akhirat.

Menurut Anas bin Malik RA, Nabi ﷺ bersabda:

يَتَّبِعُ الْمَيِّتَ ثَلَاثَةٌ فَيَرْجِعُ اِثْنَانِ وَيَبْقَى مَعَهُ وَاحِدٌ،  
يَتَّبِعُهُ أَهْلُهُ وَمَالُهُ وَعَمَلُهُ فَيَرْجِعُ أَهْلُهُ وَمَالُهُ وَيَبْقَى  
عَمَلُهُ

Maksudnya: **“Keluar mengiringi mayat itu tiga perkara: Keluarganya, hartanya dan amalannya. Maka dua daripadanya akan pulang (meninggalkannya di kubur) iaitu keluarga dan harta adapun amalan akan kekal bersamanya.”**

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)<sup>1</sup>

<sup>1</sup> al-Bukhari no. 6514 & Muslim no. 2960.



Jabatan Mufti Negeri Perlis

Ingatlah, mati akan menjadi saat yang paling indah jika kita membawa bekal yang cukup daripada amalan soleh.

Firman ALLAH ﷻ:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ  
عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا  
وَأَنْبَشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: **“Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: “Tuhan Kami ialah Allah”, kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa: “Janganlah kamu bimbang (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.**

(Surah Fussilat : 30)

### *Tazkirah Kematian*

Ayat tersebut menceritakan keadaan orang yang beriman dan beramal soleh setelah mereka mati. Bagi orang ingkar pula, maka mati adalah kehinaan baginya.

Firman ALLAH ﷻ:

وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الظَّالِمُونَ فِي غَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَالْمَلَائِكَةُ  
بَاسِطُوا أَيْدِيهِمْ أَخْرَجُوا أَنفُسَكُمْ أَيُّومَ تُجْرُونَ عَذَابَ  
الْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ عِثْرَ الْحَقِّ  
وَكُنتُمْ عَنْ آيَاتِهِ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٩٣﴾

Mafhumnya: **“Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dalam penderitaan “sakratul-maut” (ketika hendak putus nyawa), sedang malaikat-malaikat pula menghulurkan tangan mereka (memukul dan menyiksa orang-orang itu) sambil berkata (dengan menengking dan mengejek): “Keluarkanlah nyawa kamu (dari tubuh kamu sendiri); pada**



Jabatan Mufti Negeri Perlis

**hari ini kamu dibalas dengan azab seksa yang menghina (kamu) sehina-hinanya, disebabkan apa yang telah kamu katakan terhadap Allah dengan tidak benar, dan kamu pula (menolak dengan) sombong takbur akan ayat-ayat keterangan-Nya”.**

(Surah al-An'am: 93)

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa beringat mudah-mudahan kita termasuk dalam golongan yang selamat. Kita doakan juga kepada saudara/ saudari kita yang telah kembali ke rahmatullah. Mudah-mudahan ALLAH ampunkan dosa-dosanya dan jadikan kuburnya sebagai taman daripada taman-taman syurga.




Ingatlah, mati akan menjadi saat yang paling indah jika kita membawa bekal yang cukup daripada amalan soleh. Bagi orang ingkar pula, maka mati adalah kehinaan baginya



# Tazkirah kematian

2

Bilakah  
Masanya??



## Tazkirah Kematian

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hadirin dan hadirat yang dirahmati ALLAH ﷺ  
sekalian.

**SETIAP** yang hidup pasti akan merasai  
kematian sebagaimana firman ALLAH ﷻ:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ  
أَجْرَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِزِحَ عَنِ النَّارِ  
وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا  
إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾

Mafhumnya: **“Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari Kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan**



Jabatan Mufti Negeri Perlis

**(ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.**

(Surah Ali Imran: 185)

Ayat ini menjadi dalil bahawasanya kematian merupakan sesuatu yang pasti berlaku ke atas setiap yang bernyawa.

Bilakah masanya? Hanya ALLAH ﷻ sahaja yang mengetahuinya.

Apabila tiba masanya ia tidak akan dilewatkan dan tidak akan dipercepatkan walaupun sesaat.

Firman ALLAH ﷻ:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ

سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣١﴾

Mafhumnya: **“Dan bagi tiap-tiap umat ada tempoh (yang telah ditetapkan);**



## *Tazkirah Kematian*

**maka apabila datang tempohnya, tidak dapat mereka dikemudikan walau sesaat pun, dan tidak dapat pula mereka didahulukan.**

(Surah al-A'raf ayat: 34)

Kematian sahabat kita pada hari ini sepatutnya dijadikan iktibar agar kita lebih bertakwa kepada ALLAH ﷻ.

Takwa dalam erti kata yang sebenar iaitu membenteng diri kita daripada kemurkaan dan azab ALLAH dengan melaksanakan suruhan-NYA dan meninggalkan larangan-NYA.

Antara tujuan mengiringi si mati atau menziarahi kubur adalah untuk memberi peringatan tentang kematian yang akan menemui kita.

Kehidupan dunia adalah kehidupan yang sementara. Dunia hanya tempat persinggahan bagi menyediakan bekalan untuk menuju ke hari akhirat.

Di sinilah manusia akan diuji siapakah antara mereka yang bertakwa kepada ALLAH ﷻ dengan menjadikan kehidupannya semata-



Jabatan Mufti Negeri Perlis

mata untuk dunia tanpa menghiraukan kehidupan akhirat.

Menurut Abu Said al-Khudri RA, Nabi ﷺ bersabda:

إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ، وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَخْلِفُكُمْ فِيهَا،  
فَيَنْظُرُ كَيْفَ تَعْمَلُونَ، فَاتَّقُوا الدُّنْيَا

Maksudnya: **“Sesungguhnya dunia ini cantik dan indah. Sesungguhnya ALLAH ﷻ menjadikan kamu khalifah di dalamnya dan DIA akan memerhatikan bagaimana kamu menguruskannya. Oleh itu takutlah kamu kepada (fitnah atau ujian) dunia.”**

(Hadis riwayat Muslim)<sup>2</sup>

Marilah sama-sama kita berdoa untuk saudara kita ini supaya ALLAH tetapkannya di atas jalan kebenaran, kerana dia akan disoal.

Menurut Uthman bin Affan RA: Setelah Nabi ﷺ selesai menanam mayat, baginda berdiri lalu bersabda:

<sup>2</sup> Muslim no. 2742.



*Tazkirah Kematian*

اسْتَغْفِرُوا لِأَخِيكُمْ وَسَلُوا لَهُ التَّيْبَتِ فَإِنَّهُ الآنَ  
يَسْأَلُ

Maksudnya: **“Pohonlah keampunan untuk saudaramu dan berdoalah supaya dia tetap (dengan Islam). Sesungguhnya dia sekarang ini akan disoal.”**

(Hadis sahih riwayat Abu Daud)<sup>3</sup>

Oleh itu, bersama-sama kita doakan kepada saudara Muslim yang telah pergi mendahului kita. Kita memohon kepada ALLAH ﷻ supaya mengampunkan dosanya dan ditempatkan bersama orang-orang yang soleh. Amin.

<sup>3</sup> Abu Daud no. 3221.



# *Tazkirah kematian*

3

## Mengiringi Jenazah





*Tazkirah Kematian*

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

**AMALAN** menziarahi jenazah, bersembahyang ke atasnya, mengiringinya hingga ke kubur dan menunggu sehingga selesai pengebumiannya memperoleh pahala amat besar.

Sabda Rasullullah ﷺ:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ عَلَى جِنَازَةٍ فَلَهُ قِيرَاطٌ فَإِنْ شَهِدَ دَفَنَهَا  
فَلَهُ قِيرَاطَانِ، الْقِيرَاطُ مِثْلُ أُحُدٍ

Maksudnya: **“Sesiapa yang bersolat ke atas jenazah seseorang maka baginya pahala satu qirot dan sesiapa yang mengiringi dan menunggu sehingga selesai ia dikebumikan maka baginya dua qirot, sekecil-kecil satu qirot adalah sebesar Bukit Uhud.”**

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)<sup>4</sup>

<sup>4</sup> al-Bukhari no. 1325 & Muslim no. 946. Lafaz di atas menurut riwayat Muslim.



Jabatan Mufti Negeri Perlis

**Hadirin sekalian,**

Isi kepada kehidupan atau umur kita ialah iman dan takwa kepada ALLAH yang membuahakan amalan-amalan soleh yang akan mengiringi jenazah seseorang ke kubur. Ia kekal menemaninya ke alam barzakh hingga ke akhirat. Ini ditegaskan oleh baginda Rasullullah ﷺ dengan sabdanya, menurut Anas bin Malik RA, Nabi ﷺ bersabda:

يَتَّبِعُ الْمَيِّتَ ثَلَاثَةٌ، فَيَرْجِعُ اثْنَانِ، وَيَبْقَى وَاحِدٌ  
يَتَّبِعُهُ أَهْلُهُ وَمَالُهُ وَعَمَلُهُ، فَيَرْجِعُ أَهْلُهُ وَمَالُهُ،  
وَيَبْقَى عَمَلُهُ

Maksudnya: **“Tiga perkara keluar bersama-sama mayat ke kubur iaitu: keluarga, harta dan amalannya. Keluarga dan harta akan kembali dan hanya amalan yang akan kekal bersama-samanya.”**

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidzi dan al-Nasa’i)<sup>5</sup>

<sup>5</sup> Telah ditakhrij sebelum ini. Rujuk m/s 12. Riwayat an-Nasa’i dalam al-Mujtaba, no.



### *Tazkirah Kematian*

Kita hendaklah sentiasa sedar bahawa mati sekadar perpisahan di antara roh dengan jasad, nyawa dan badan. Mati hanyalah pertukaran sifat hidup dari alam fana ke alam baqa', dari dunia ke akhirat.

Oleh itu, rugilah kehidupan seseorang di dunia ini jika dia kembali ke rahmatullah tanpa amal soleh. Insaflah wahai hamba-hamba ALLAH sebelum tiba saat kematian. Ingatlah firman ALLAH ﷻ:

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ آتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ

سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Mafhumnya: **“Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun, kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik);”**

(Surah al-Syuara' : 88-89)

---

1937, as-Sunan al-Kubra, no. 2075 & at-Tirmidzi dalam al-Jami' no. 2379.



Jabatan Mufti Negeri Perlis

Sia-sialah umur seseorang yang menyekutukan ALLAH (melakukan syirik). Musnahlah amalan-amalannya, kecewalah harapannya untuk mendapat kebahagiaan di akhirat. Firman ALLAH ﷻ:

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ  
أَشْرَكَتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ  
الْخَاسِرِينَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya: **“Sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada nabi-nabi yang terdahulu daripadamu bahawa jika engkau melakukan syirik tentu akan musnah segala amalan-amalanmu dan engkau termasuk daripada kalangan orang-orang yang rugi.”**

(Surah Al-Zumar: 65)

Marilah kita merenung sejenak, bayangkan kita mati sambil terbujur di atas katil, ditudung, dikelilingi oleh kaum keluarga, diziarahi

### *Tazkirah Kematian*

sahabat handai, kemudian dimandikan, dikafan, disemabhyangkan dan diusung ke kuburan; lalu dimasukkan ke dalam liang lahat, ditimbus dan diakhiri dengan doa.

Kita kembali kepada ALLAH dengan sehelai sepinggang menunggu soalan-soalan yang bakal ditanya di alam barzakh dan di hari akhirat kelak kita semua akan disoal oleh Allah ﷻ tentang beberapa soalan, sepertimana yang disabdakan oleh Rasulullah ﷺ dalam sebuah hadis,

لَا تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ  
عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ، وَعَنْ عَلَيْهِ فِيمَ فَعَلَ وَعَنْ مَالِهِ  
مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ، وَفِيمَا أَنْفَقَهُ، وَعَنْ جِسْمِهِ،  
فِيمَا أَبْلَاهُ

Ertinya: “**Sentiasalah kaki (seorang) hamba (Allah itu) berdiri di hari kiamat (kelak), sehinggalah dia ditanya tentang umurnya di manakah dia menghabiskan (umurnya)?, tentang ilmunya, apa**



Jabatan Mufti Negeri Perlis

**yang dia perbuat (dengan ilmu yang dimilikinya)?, tentang hartanya di manakah dia memperolehinya dan ke manakah dia pergunakannya (harta itu)? dan tentang jasadnya, di manakah dia mempergunakannya”**

(Hadis Hasan Sahih riwayat al-Tirmidzi)<sup>6</sup>

Akhir sekali, marilah kita menginsafi akan kelemahan dan kekurangan yang ada pada diri. Kita isi hidup kita dengan amalan-amalan soleh. Segeralah bertaubat daripada segala dosa-dosa sebelum maut menemui kita.

Firman ALLAH ﷻ:


لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ إِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ فَلَا يَسْتَجْرُونَ  
سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٤٩﴾

*“Apabila cukup tempoh (sampai ajal) mereka maka ia tidak dapat ditangguh walaupun sesaat dan tidak pula disegerakan.”*

(Surah Yunus: 49)


<sup>6</sup> at-Tirmidzi dalam **al-Jami'** no. 2417. Dinilai sahih oleh al-Albani.

---



Bayangkan kita mati sambil terbujur di atas katil, ditudung, dikelilingi oleh kaum keluarga, diziarahi sahabat handai, kemudian dimandikan, dikafan, disembahyangkan dan diusung ke kuburan; lalu dimasukkan ke dalam liang lahat, ditimbus dan diakhiri dengan doa.


---



# *Tazkirah kematian*

4

**Kita Juga Akan  
Mati**





*Tazkirah Kematian*

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Hadirin Muslimin yang dirahmati ALLAH,**

**KITA** telah selesai mengebumikan jenazah .....bin / binti..... dan kita berharap ALLAH ﷻ akan merahmati beliau dan juga kita semua. Menurut Buraidah RA, Nabi ﷺ bersabda:

قَدْ كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ، فَقَدْ أُذِنَ  
لِمُحَمَّدٍ فِي زِيَارَةِ قَبْرِ أُمِّهِ، فَزُورُوهَا فَإِنَّهَا تُدَكِّرُ  
الْآخِرَةَ

Maksudnya: **“Aku pernah melarang kamu menziarahi kubur tetapi sekarang telah diizinkan bagi Muhammad untuk menziarahi kubur ibunya, maka ziarahilah kubur kerana ia mengingatkan kepada akhirat.”**

(Hadis riwayat Muslim, al-Tirmidzi dan Ahmad)<sup>7</sup>

<sup>7</sup> Muslim no. 977, at-Tirmidzi dalam al-Jami' no. 1054, Ahmad dalam al-Musnad no.



## Jabatan Mufti Negeri Perlis

Berpandukan hadis ini, kita hendaklah sentiasa beringat bahawa tujuan datang ke kubur bukanlah semata-mata untuk mengenang kisah silam kita bersama si mati, bukan untuk mengungkit-ungkit sejarah lama, tetapi supaya kita mendapat iktibar bahawa suatu hari nanti kita akan menerima nasib yang sama dengan si mati.

Amat malang jika ada antara kita hari ini yang masih meneruskan kerja-kerja maksiat, masih tidak menambah amal ibadah dan masih leka dengan keseronokan dunia yang fana selepas pulang nanti. ALLAH ﷻ tidak menjadikan sesuatu dengan sia-sia. Termasuklah kematian. Bahkan kematian mempunyai hikmah tersendiri.

Firman ALLAH ﷻ:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ  
عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾

Maksudnya: **“Dia lah (Allah) yang telah mentakdirkan adanya mati dan**

---

23005 & 23016. Lafaz di atas menurut riwayat at-Tirmidzi.



*Tazkirah Kematian*

**hidup (kamu) - untuk menguji dan menzhahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).”**

(Surah al-Mulk: 2)

Oleh yang demikian, kita hendaklah mengambil pengajaran dan membetulkan diri kita. Siapkanlah bekalan yang perlu dalam perjalanan menuju ke alam barzakh. Ingatlah, hanya dengan berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah serta jejak salafussoleh sahaja yang dapat menjamin kebahagiaan hidup kita di akhirat nanti.

Janganlah kita terlalu menurut hawa nafsu, sehingga leka dan lalai dengan ancaman azab ALLAH ﷻ.

Kepada ibu bapa, anda perlu ingat bahawa tanggungjawab anda terhadap anak ialah menjadikannya insan yang tunduk kepada ALLAH, bukan menjadikannya juara pertandingan maksiat.

Sebagai suami, anda perlu menjadikan isteri anda sebagai wanita dan isteri yang mendapat



**Jabatan Mufti Negeri Perlis**

keredhaan ALLAH, bukan menjadikannya bahan tatapan nafsu manusia di jalanan.

Sebagai isteri, jadikanlah suami anda sebagai tempat mencari keredhaan ALLAH, bukan menjadi punca laknat ALLAH ke atas anda.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ




Janganlah kita terlalu menurut hawa nafsu, sehingga leka dan lalai dengan ancaman azab ALLAH ﷻ.



# *Tazkirah kematian*

5

## Berteriak dengan Teriakan yang Pertama





*Tazkirah Kematian*

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Hadirin Muslimin Muslimat yang dirahmati  
ALLAH,**

**SEMENTARA** kita menunggu selesainya proses pengebumian, suka saya untuk mengajak hadirin sekalian untuk bersama-sama merenung peristiwa yang sedang kita saksikan hari ini. Peristiwa ini akan berlaku pada setiap diri kita.

Setelah sekian lama kita hidup di dunia yang fana ini maka maut akan datang membawa kita meneruskan perjalanan ke alam barzakh. Menurut Abu Sa'ïd al-Khudri RA, Nabi ﷺ bersabda:

إِذَا وُضِعَتْ الْجِنَازَةُ، فَاحْتَمَلَهَا الرَّجَالُ عَلَى  
أَعْنَاقِهِمْ، فَإِنْ كَانَتْ صَالِحَةً قَالَتْ قَدِّمُونِي،  
وَإِنْ كَانَتْ غَيْرَ صَالِحَةٍ قَالَتْ لِأَهْلِهَا يَا وَيْلَهَا أَيْنَ



Jabatan Mufti Negeri Perlis

يَذْهَبُونَ بِهَا، يَسْمَعُ صَوْتَهَا كُلُّ شَيْءٍ إِلَّا الْإِنْسَانَ،  
وَلَوْ سَمِعَ الْإِنْسَانُ لَصَعِقَ

Maksudnya: “Apabila jenazah diletakkan (di atas usungan) lalu diusung di atas bahu-bahu pengusung. Jika jenazah itu soleh dia berteriak (kepada pengusung): Segerakanlah aku (ke kubur). Jika jenazah itu tidak soleh, dia akan berteriak kepada si mati (dirinya sendiri): Celakalah dia, ke mana mereka akan bawa dia? Itulah suara yang didengar semua makhluk kecuali manusia. Sekiranya manusia mendengarnya tentulah mereka akan pengsan.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari)<sup>8</sup>

Inilah jeritan jenazah mengikut keadaannya sama ada dia seorang yang soleh atau seorang yang derhaka. Kita berdoa mudah-mudahan jenazah pada hari ini berteriak dengan teriakan yang pertama.

Begitu juga kita berharap agar kita termasuk dalam golongan yang berteriak dengan teriakan yang pertama.

<sup>8</sup> al-Bukhari no. 1316.



### *Tazkirah Kematian*

Oleh itu, ketahuilah saudara-saudari sekalian, kubur itu bukanlah tempat perhentian terakhir tetapi adalah perhentian awal dalam perjalanan menuju ke alam akhirat. Kita akan dilayan mengikut amalan kita di dunia.


Maka, jadikanlah detik pada hari ini sebagai perubahan untuk kita meningkatkan amalan soleh dan menjauhi maksiat. Semoga ALLAH merahmati kita.



# *Tazkirah kematian*

6

## Kita di Pihak Mana?





## *Tazkirah Kematian*

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

### **Hadirin yang dirahmati ALLAH,**

**PADA** hari ini, ALLAH ﷻ telah memberikan kita satu peringatan yang sangat bermakna dengan kematian saudara/saudari kita ini. Kematian saudara/saudari merupakan peringatan daripada ALLAH bahawa kita akan mengalami nasib yang sama dengannya.

Oleh itu, saya ingin mengajak para hadirin dan diri saya untuk merenung kembali kehidupan kita.

Adakah kita penuhi hidup kita dengan amalan-amalan yang diredhai ALLAH atau kita lakukan amalan yang dimurkai-NYA?

Janganlah sampai roh sudah berada di kerongkong baru kita hendak menyesali segala kesilapan yang lalu. Ingatlah kematian itu adalah ujian dan cubaan. Kita akan ditanya siapa TUHAN kita, siapa Nabi kita dan apa agama kita.



Jabatan Mufti Negeri Perlis

Ya, soalan kubur itu amat sedikit jika hendak dibandingkan dengan soalan-soalan peperiksaan yang pernah kita lalui di dunia.

Tetapi ingatlah, soalan ini tidak mudah untuk dijawab, ia memerlukan keimanan kepada Allah ﷻ dan Rasul ﷺ, demikian juga beramal dengan ajaran Islam. Setiap manusia akan dipertanggungjawabkan atas amalannya.

Firman ALLAH ﷻ:

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا

تَرْجِعُونَ ﴿١١٥﴾

Maksudnya: **“Apakah kamu menganggap KAMI menciptakan kamu secara main-main dan kamu tidak akan dikembalikan kepada KAMI?”**

(Surah al-Mukminun: 115)

Kita hendaklah beringat bahawa kehidupan di dunia ini akan berakhir dan kita bakal berhadapan dengan perhitungan Allah ﷻ. Buktinya sudah jelas. Lihatlah saudara/saudari kita yang telah pun melaluinya pada

### *Tazkirah Kematian*

hari ini. Inilah peringatan yang terang yang diberikan oleh ALLAH kepada kita semua.

Maka, amat rugilah mereka yang masih mengabaikan tanggungjawabnya terhadap ALLAH ﷻ. Ingatlah sabda Nabi ﷺ :

إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا وُضِعَ فِي قَبْرِهِ وَتَوَلَّى عَنْهُ أَصْحَابُهُ إِنَّهُ  
لَيَسْمَعُ خَفَقَ نَعَالِهِمْ فَيَأْتِيهِ مَلَكَانِ فَيَقُولَانِ لَهُ مَا  
كُنْتَ تَقُولُ فِي هَذَا الرَّجُلِ يَعْنِي مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَمَا الْمُؤْمِنُ فَيَقُولُ أَشْهَدُ أَنَّهُ عَبْدُ  
اللَّهِ وَرَسُولُهُ فَيَقَالُ لَهُ انْظُرْ إِلَى مَقْعَدِكَ فِي النَّارِ  
قَدْ أَبَدَلَكُ اللَّهُ بِهِ مَقْعَدًا فِي الْجَنَّةِ فَيَرَاهُمَا جَمِيعًا

Maksudnya: **“Sesungguhnya seorang hamba apabila dimasukkan ke dalam kuburnya, lalu pulanglah sahabat-sahabatnya sehingga apabila dia (mayat) mendengar bunyi tapak kasut mereka, datanglah dua malaikat kepadanya, lalu dua malaikat itu bertanya: Apa**

Jabatan Mufti Negeri Perlis

**yang akan engkau kata tentang lelaki ini, (Muhammad SAW)? Maka orang yang beriman itu akan berkata: Aku bersaksi bahawa dia adalah hamba ALLAH dan Rasulnya. Dikatakan kepadanya: Lihatlah, tempat dudukmu di neraka telah digantikan oleh ALLAH dengan syurga. Dia lalu melihat keduanya...”**

(Hadis sahih riwayat Ahmad)<sup>9</sup>

Ini adalah balasan bagi yang berbuat baik. Bagi mereka yang jahat, balasan mereka adalah sebaliknya. Sabda Nabi ﷺ,

وَأَمَّا الْكَافِرُ وَالْمُنَافِقُ فَيَقَالُ لَهُ مَا كُنْتَ تَقُولُ  
فِي هَذَا الرَّجُلِ فَيَقُولُ لَا أَدْرِي كُنْتُ أَقُولُ  
مَا يَقُولُ النَّاسُ فَيَقَالُ لَهُ لَا دَرِيَّةَ وَلَا تَلِيَّةَ  
ثُمَّ يَضْرَبُ بِمِطْرَاقٍ مِنْ حَدِيدٍ ضَرْبَةً بَيْنَ أُذُنَيْهِ  
فَيَصِيحُ صَيْحَةً فَيَسْمَعُهَا مَنْ يَلِيهِ غَيْرَ الثَّقَلَيْنِ

<sup>9</sup> Ahmad dalam al-Musnad no. 13446. Dinilai sahih oleh al-Arnauth.



### *Tazkirah Kematian*


Maksudnya: **“Dan adapun orang yang kafir dan munafiq apabila ditanya: Apa yang akan engkau kata tentang lelaki ini (Rasullullah)? Dia menjawab: Aku tidak tahu. Aku kata mengikut apa yang orang lain kata terhadapnya. Dikatakan padanya: Engkau tidak tahu dan tidak percaya? Kemudian dia akan dipalu dengan paluan daripada besi antara dua telinganya. Lalu menjeritlah dia dengan jeritan yang didengari oleh makhluk di sekelilingnya kecuali manusia dan jin.”**

(Hadis riwayat Ahmad, sanadnya sahih menurut syarat al-Bukhari dan Muslim)<sup>10</sup>

Maka pilihlah wahai saudara-saudari sekalian, antara dua golongan yang Nabi ﷺ sebutkan tadi. Manakah tempat yang kita hendak berada dan berpihak? Muhasabahlah diri kita dan bertaubatlah kepada ALLAH ﷻ mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan yang beriman dan selamat.

---

<sup>10</sup> Ahmad dalam *al-Musnad* no. 12271. Dinilai sahih oleh al-Arnauth.



# Doa Pilihan

1

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى  
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

“Segala pujian milik Allah Tuhan Sekelian alam, selawat dan salam ke atas semulia-mulia para Nabi dan rasul, ke atas ahli keluarga dan para sahabat baginda seluruhnya.”

## Doa Pilihan

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ، خَرَجَ مِنْ  
رُوحِ الدُّنْيَا وَسَعَتْهَا إِلَى ظُلْمَةِ الْقَبْرِ وَمَا هُوَ لَاقِيهِ.  
كَانَ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُكَ  
وَرَسُولُكَ وَأَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ

“Ya Allah, sesungguhnya dia ini adalah hamba-Mu, anak lelaki kepada hamba lelaki-Mu, dia telah keluar dari dunia dan keluasannya kepada kegelapan kubur dan apa-apa yang akan dia temui. Dia dahulunya telah bersaksikan bahawa tiada Tuhan sebenarnya yang layak disembah melainkan Allah dan Muhammad itu adalah seorang hamba dan utusan-Mu, dan Engkau lebih mengetahui tentang keadaannya.”<sup>11</sup>

اللَّهُمَّ إِنَّهُ نَزَلَ بِكَ، وَأَنْتَ خَيْرُ مَنْزُولٍ بِهِ، وَأَصْبَحَ  
فَقِيرًا إِلَى رَحْمَتِكَ، وَأَنْتَ غَنِيٌّ عَنْ عَذَابِهِ، وَقَدْ

<sup>11</sup> Disebutkan oleh asy-Syafi'i dalam **al-Umm**, Bab at-Takbir 'ala al-Jana'iz, 1/323 & Dinukilkan oleh al-Baihaqi dalam **Ma'rifah as-Sunan wa al-Atsar**, no 7618.

جَنَّاكَ رَاغِبِينَ إِلَيْكَ شَفَعَاءَ لَهُ

“Ya Allah, sesungguhnya dia (jenazah ini) datang kepada-Mu, Dikau pula sebaik-baik zat yang didatangi, dia juga dalam keadaan amat mengharap rahmat-Mu, Dikau pula Tuhan Yang Maha Kaya dari mengenakan azab kepadanya, sesungguhnya kami memohon kepada-Mu dalam keadaan mengharap kebaikan untuknya dari sisi-Mu.”<sup>12</sup>

اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ مُحْسِنًا فَزِدْ فِي إِحْسَانِهِ. وَإِنْ كَانَ مُسِيئًا فَتَجَاوَزْ عَنْهُ، وَلَقَّهِ بِرَحْمَتِكَ رِضَاكَ، وَقِهِ فِتْنَةَ الْقَبْرِ وَعَذَابِهِ، وَأَفْسَحْ لَهُ فِي قَبْرِهِ، وَجَافِ الْأَرْضَ عَنْ جَنْبِيهِ، وَلَقَّهِ بِرَحْمَتِكَ الْأَمْنَ مِنْ عَذَابِكَ حَتَّى تَبْعَثَهُ إِلَى جَنَّتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. دَعْوَاهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ

<sup>12</sup> Rujukan sebelum ini.




## *Doa Pilihan*

وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ عَنِ الْحَمْدِ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

*Ya Allah, Jika dia ini seorang yang berbuat baik, maka tambahkanlah pahala dan ganjaran kepadanya. Jika dia seorang yang berbuat keji, maka ampunkanlah kesalahannya. Dengan rahmat-Mu, kurniakan keredaan-Mu kepadanya, peliharalah dia dari fitnah dan azab kubur. Luaskan kuburnya, jauhkan bumi dari menghimpitnya, dengan rahmat-Mu, kurniakan kepadanya keamanan dari siksa-Mu sehingga Dikau membangkitkan dia menuju ke syurga-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.<sup>13</sup> Doa mereka (penghuni syurga) di dalam syurga ialah: Subhanakallahumma (Maha Suci Engkau wahai tuhan), dan salam penghormatan mereka ialah; “Salam (salam sejahtera)” dan penutup doa mereka ialah: “al-Hamdu lillahi rabbil ‘alamin (segala puji bagi Allah tuhan seluruh alam)<sup>14</sup>.”*

<sup>13</sup> Rujukan sebelum ini.

<sup>14</sup> Surah Yunus: 10.



# Doa Pilihan

2

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى  
رَسُولِ الْأَمِينِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِحِينَا وَمِيَّتَنَا، وَشَاهِدِنَا  
وَوَغَائِبِنَا، وَصَغِيرِنَا وَكَبِيرِنَا، وَذَكَرْنَا وَأُنْثَانَا، اللَّهُمَّ  
مَنْ أَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَأَحْيِهِ عَلَى الْإِسْلَامِ، وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ  
مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَى الْإِيمَانِ

“Segala pujian bagi Allah tuhan sekalian alam,  
selawat dan salam ke atas rasulul amin. Ya Allah

### *Doa Pilihan*

berilah keampunan kepada mereka yang hidup dan yang telah mati di antara kami. Yang hadir bersama kami dan yang tiada bersama kami, yang kecil dan yang besar dalam kalangan kami, yang lelaki dan yang perempuan di antara kami. Ya Allah sesiapa yang Dikau berikan kehidupan kepada mereka, hidupkanlah mereka di atas agama Islam. Sesiapa yang Dikau matinya daripada kalangan kami, maka matikanlah ia di atas iman.<sup>15</sup>

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ (ها)، وَارْحَمْهُ (ها)، وَعَافِهِ (ها)،  
وَاعْفُ عَنْهُ (ها)، وَأَكْرِمْ نَزْلَهُ (ها)، وَوَسِّعْ  
مَدْخَلَهُ (ها)، وَاغْسِلْهُ (ها) بِالْمَاءِ وَالتَّلْجِ  
وَالْبَرَدِ، وَنَقِّهِ (ها) مِنَ الْخَطَايَا كَمَا نَقَّيْتَ الثَّوْبَ  
الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهُ (ها) دَارًا خَيْرًا مِنْ  
دَارِهِ (ها)، وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ (ها)، وَزَوْجًا

<sup>15</sup>Diriwayatkan oleh Abu Daud no. 3201, at-Tirmidzi dalam *al-Jami'* no. 1024 & Ibn Majah no. 1498. Lafaz di atas menurut riwayat Ibn Majah daripada Abu Hurairah secara *marfu'*. Dinilai sahih oleh al-Arnauth.

## Jabatan Mufti Negeri Perlis

خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ (ها)، وَأَدْخِلْهُ (ها) الْجَنَّةَ وَ  
أَعِذْهُ (ها) مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ<sup>16</sup>

*“Ya Allah berilah keampunan kepadanya dan rahmatilah dia, berilah kesejahteraan kepadanya dan maafkanlah dia, terimalah dia dengan penuh kemuliaan, luaskanlah kuburnya, sucikanlah dia dengan air, salji dan air batu, bersihkan dia dari segala kotoran sepertimana dibersihkan baju putih dari segala kotoran. Gantikan untuknya rumah yang lebih baik dari rumahnya, ahli keluarga yang lebih baik dari ahli keluarganya sekarang, pasangan yang lebih baik dari pasangannya sekarang, masukkanlah dia ke dalam syurga, lindungilah dia dari azab kubur dan dari azab neraka.”<sup>17</sup>*

اللَّهُمَّ إِنَّ ..... بن / بنت ..... فِي ذِمَّتِكَ وَحَبْلِ  
جَوَارِكَ، فَقِهِ (ها) مِنْ فِتْنَةِ الْقَبْرِ وَعَذَابِ

<sup>16</sup> Lafaz (ها) itu adalah kata ganti nama diri bagi perempuan sekiranya jenazah adalah seorang perempuan. Contohnya kita menggantikan lafaz (عَنْهَا) dengan (عَنْهُ).

<sup>17</sup> Diriwatikan oleh Muslim no. 963, at-Tirmidzi dalam **al-Jami'** no. 1025, Ibn Majah no. 1500 & Ahmad dalam **al-Musnad** no. 23975.



## Doa Pilihan

النَّارِ، وَأَنْتَ أَهْلُ الْوَفَاءِ وَالْحَمْدِ، اللَّهُمَّ فَاغْفِرْ لَهُ  
(ها) وَأَرْحَمَهُ (ها)، إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.  
آمين

*“Ya Allah, sesungguhnya ..... bin/binti ..... berada dalam perlindungan dari-Mu dan jaminan keamanan dari-Mu, peliharalah dia dari fitnah kubur dan azab neraka. Dikau Tuhan yang memenuhi janji-Mu dan Yang Berhak dengan segala pujian. Ya Allah berilah keampunan kepadanya dan rahmatilah dia, sesungguhnya Dikau tuhan yang Maha Pemberi Keampunan lagi Maha Penyayang.<sup>18</sup> Selawat Allah ke atas baginda Muhammad, dan segala pujian untuk Allah tuhan seluruh alam. Amin.*

<sup>18</sup>Diriwayatkan oleh Abu Daud no. 3202, Ibn Majah no. 1499, Ahmad dalam **al-Musnad** no. 16018, Ibn Hibban dalam **Sahihnya** no. 3074 & at-Tabrani dalam **al-Mu'jam al-Kabir** no. 214. Dinilai hasan oleh al-Arnauth.